

# Perkhemahan Unit Beruniform di Kampung Survival No 5 Skuadron, Pangkalan Udara Labuan



**LABUAN, 8 Nov** : Sekolah Kebangsaan Membedai dengan kerjasama No 5 Skuadron, Tentera Udara Diraja Malaysia telah menganjurkan Perkhemahan Unit Beruniform bertempat di Kampung Survival No 5 Skuadron, Pangkalan Udara Labuan.

Seramai 114 orang murid terlibat dalam aktiviti perkhemahan ini yang terdiri daripada 5 buah sekolah di sekitar Labuan iaitu SK Membedai, SK Bedaun, SK Pantai dan SK Layang Layangan termasuk satu penyertaan dari luar (Sabah) SK Pangkalan TLDM Kota Kinabalu.

Taklimat dan perjalanan aktiviti diberi oleh Sjn U Hairul Hafis bin Jaudin, pegawai bertugas sebelum memasuki

*Survival Village*. Setiap kumpulan diberi seorang petugas tetap bagi mengiringi kumpulan masing-masing.

Aktiviti dijalankan serentak di enam stesen iaitu Stesen Isyarat Bantuan Udara, Stesen Mengenali Khemah, Stesen Pertolongan Cemas di Medan, Stesen Mengenali Peta Kompas dan GPS, Stesen Orienteering (Marching Kompas) dan Stesen Mengenali Perangkap. Semua peserta berpeluang melibatkan diri dalam semua aktiviti yang dijalankan.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Pertandingan Kawad Kaki, Kelas Pertolongan Kecemasan di medan, Kelas Isyarat Bantuan Udara dan Kelas Mengenali Khemah Dan Perangkap.

Majlis perasmian penutupan dirasmikan oleh Leftenan Kolonel KRS Encik Aminuddin bin Hj. Abdul Malek, Ketua Unit Beruniform, Jabatan Pendidikan WP Labuan mewakili Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Turut hadir Mejar Mohd Husaini bin Kamaruddin TUDM, YDP PIBG SK Membedai; Leftenan Kolonel Zulhilmi bin Hj. Ahmad TUDM, Pegawai Laksana Pangkalan Udara Labuan; Leftenan Kolonel Juma'ain bin Saadon TUDM, Pegawai Memerintah 5 Skuadron; Kapt Mandeep Singh a/l Kuldip Singh, Pegawai Pendidikan Pangkalan Udara Labuan; Ustaz Mohd Farihi bin Ab Halim, Guru Besar SK Membedai dan Pn. Dalilah binti Desa, Penolong Kanan Kokurikulum SK Membedai.



Leftenan Kolonel KRS Encik Aminuddin ( tengah ) bersama peserta perkhemahan Unit Beruniform

Sumber Berita : SK Membedai

---

**Majlis Anugerah  
Kecemerlangan SM St Anthony  
Lantik Bapa Angkat Korporat**



LABUAN : Sekolah Menengah St. Anthony W.P.Labuan telah mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan 2017 kali ke-19 pada 3 November 2017 di Dewan Serbaguna Blessed Sacrament W.P.Labuan. Majlis ini telah dirasmikan oleh Dato' Hj. Harris bin Hj. Annuar Tan selaku Bapa Angkat Korporat SAS. Dalam ucapan perasmian sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan SM St. Anthony, Dato' menyeru agar para pelajar menghargai kemudahan sekolah yang telah disediakan. Beliau juga menegaskan para pelajar agar tidak mengejar " Straight A " semata-mata tetapi mengasah bakat dan potensi yang ada melalui kegiatan kokurikulum seperti mengikuti Persatuan Pengakap, Kelab Interact dan sebagainya . Dalam era globalisasi abad ke-21 aspek potensi, bakat, ketrampilan diri, kepimpinan dan kemahiran berkomunikasi dalam dwi bahasa ( Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris ) amat diutamakan, terutamanya dalam sektor swasta.

Dato' Hj. Harris turut merakamkan ucapan terima kasih di atas pemilihan beliau sebagai Bapa Angkat Korporat sekolah. Beliau menerima tanggungjawab ini dengan sedaya upaya dan akan memberikan bantuan dalam mencari dana

bagi projek pembangunan sekolah seperti kemudahan Makmal Komputer dan juga penambahan bilik darjah . Pada majlis tersebut, beliau telah menandatangani MOU dengan pihak sekolah secara rasminya dan menjadi Bapa Angkat Korporat SM St. Anthony WP. Labuan.



DATO' HARRIS menyampaikan ucapan perasmian.

Sementara itu, dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, Puan Maimoon Matnoh, beliau menasihatkan para pelajar untuk belajar lebih awal dan bukannya pada waktu-waktu terakhir menjelang hari peperiksaan. Hal ini bagi memastikan pelajar bersedia dan lebih yakin apabila menjawab kertas soalan. Beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak sekolah di atas pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2017. Beliau turut merakamkan penghargaan kepada ahli lembaga sekolah dan persatuan ibu bapa guru di atas komitmen yang diberikan kepada SM St. Anthony. Beliau berharap sokongan seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang.

Pengetua SM St. Anthony, Puan Dona Undoh dalam ucapan beliau mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Dato' Hj. Harris Hj. Annuar Tan CEO ASB untuk menjadi Bapa Angkat Korporat SAS. Dato' juga merupakan bekas pelajar SAS yang semestinya menjadi ikon dan contoh kepada murid-murid SAS untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Dato' Hj. Harris juga telah menaja semua hadiah kategori kurikulum

pada tahun ini. Beliau turut merakamkan ucapan penghargaan kepada PIBG 2016 kerana telah memberi sumbangan peralatan sekolah seperti menaja hadiah untuk Merentas Desa Peringkat Sekolah dan menganjurkan Charity Dinner untuk mengutip dana bagi membina dewan terbuka sekolah.

Ucapan terima kasih juga diberikan kepada ahli Lembaga Pengurusan Sekolah yang telah banyak membantu dalam pembangunan sekolah. Antara sumbangan mereka ialah mengecat pagar sekolah, menceriakan laluan utama sekolah dan penyelenggaraan gutter sekolah. Beliau juga berterima kasih kepada semua guru dan warga sekolah yang sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi dan bekerja dengan semangat "Team Work " yang dedikasi. Begitu juga kepada ibu bapa dan individu –individu yang menghulurkan sumbangan kepada pihak sekolah, seterusnya kepada pihak Jabatan Pendidikan WP Labuan yang sentiasa memberikan bantuan kepada sekolah .

Pada majlis tersebut, Nur Anis Sofea binti Fathi yang memperoleh 4A, 3A- dan 1B+ telah dipilih menjadi pelajar cemerlang SPM bagi tahun 2016. Pencapaian SM St. Anthony dalam SPM 2016 ialah 82.14 peratus. Terdapat 3 matapelajaran yang mencatatkan keputusan 100% lulus iaitu Kesusasteraan Melayu, Pendidikan Seni Visual dan Fizik. Manakala, mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik Tambahan, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Kimia, Biologi, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan Perdagangan mencatatkan peningkatan peratus lulus dan GPMP.

Bagi anugerah pelajar cemerlang PT3 2016 pula terdapat seramai 10 orang penerima yang mendapat 7A dan 6A.



Puan Dona bersama Puan Maimoon dan penerima anugerah khas.

Selain itu, bidang kokurikulum turut mencatatkan kecemerlangan pada tahun 2017. Pencapaian peringkat antarabangsa ialah dalam Brunei Open & Masters Swimming Championships 2017 oleh adik Bryan Chin Bao Yang . Bryan telah memperolehi pingat emas dalam freestyle relay, pingat perak dalam 100M breaststroke, 50M breaststroke dan 50M freestyle serta pingat gangsa dalam 50M butterfly. Bryan turut dinobatkan sebagai Tokoh Sukan Lelaki.

Manakala Tokoh Sukan Perempuan dinobatkan kepada adik Nazeera Anak Jerah yang telah dianugerahkan sebagai olahragawati P15 MSSWPL, perak lempar cakera P15, emas merejam lembing P15 dan telah memecahkan rekod pada kejohanan sukan MSSWPL yang lalu. Selain itu, pelbagai kejayaan telah diraih dalam bidang kokurikulum baik di peringkat negeri dan kebangsaan. Antaranya dalam Perkhemahan Kadet Bomba Zon Borneo, Kejohanan Taekwondo Jemputan Sekolah-sekolah Peringkat Kebangsaan, Kejohanan Tae Kwon Do Remaja Kebangsaan, Pertandingan Video Pendek Sempena Bulan Kemerdekaan Peringkat Kebangsaanfsn

Kanggaroo Maths Peringkat Kebangsaan.

Manakala, dalam bidang hal ehwal murid, sekolah berusaha mencapai kehadiran murid 95 peratus dan ke atas mengikut ketetapan KPI KPM. Pihak sekolah telah menerima sijil penghargaan bagi kehadiran murid 95% dan ke atas bagi bulan Januari, Mac, April, Julai dan September. Seramai 46 orang pelajar telah menerima anugerah kehadiran penuh 100 peratus.



DATO' HARRIS TAN(tengah) menerima cenderamata daripada Puan Dona sambil diperhatikan oleh Puan Maimoon, Encik Friddy dan Encik Jefry Philimon.

Sebagai menghargai sumbangan yang diberikan kepada pihak-pihak yang sentiasa prihatin terhadap pembangunan anak-anak di sekolah itu, sekolah telah memberikan penghargaan melalui penyampaian anugerah khas. Antara penerimanya ialah Datuk Francis Tee( Pengerusi Projek Mencari Dana Pembinaan Bangunan Sekolah pada tahun 1991-1998), En. Francis Wong (Pembinaan penyediaan keperluan asas sekolah, pembinaan dewan terbuka dan gelanggang permainan pada tahun 1991), En. Shim Kon Yin(keperluan asas peralatan sekolah dan perkhidmatan pengangkutan semasa

pindah ke bangunan baru pada tahun 1997), Dr. Baby Ching Vui Hiong(penglibatan aktif dalam Program HIP sekolah dan sumbangan hadiah kuiz HIP 2017 dan Pengerusi Majlis Makan Malam Amal SAS 2005, 2013 dan 2017), En. Chia Sia Theng(Penajaan 100% kos kejohanan merentas Desa sekolah dan sebahagian kos MAKSAS 2017), En. Antoh b Jagang(sumbangan peralatan elektrik), En. Tan Teck Soo(Perkhidmatan Lukisan Pelan Dewan Terbuka secara percuma kepada sekolah), En. Ten Yok Seng(Menyumbang 5 unit meja bulat kepada sekolah) dan Dr. Shaik Dawood Mohideen(sumbangan tunai untuk MAKSAS 2017).

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Datuk Peter Mak ( Mantan YDP PIBG ), Encik IR Friddy Fu, Pengerusi Lembaga Pengurusan Sekolah, Encik Jeffry Philimon, Timbalan Pengerusi PIBG, Dr. Baby Chong Vui Hiong ( Bendahari PIBG ) , Sarjan Jusman Bin Toba ( Wakil Pegawai Perhubungan Polis Sekolah )

**Sumber Berita : SM St Anthony**

---

**Amni            Naeelah            Ahmad  
Saifuddin dan Nur Izziani  
Mohd            Idzam            Johan  
Pertandingan Bercerita 2017**



**LABUAN:** Murid Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Ranche-Ranche (SKRR) Amni Naeelah Ahmad Saifuddin dan murid Tahun Lima SK Pantai Nur Izziani Mohd Idzam muncul johan Pertandingan Bercerita 2017 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Amni Naeelah yang menyampaikan cerita bertajuk Suria Yang Insaf muncul johan Tahap 1 menewaskan 12 peserta lain.

Naib johan disandang murid SK Pantai Balqis Insyirah Abd Liyusli dan ketiga Muhammad Iman Muallim Mohd Ilyas dari SK Membedai.

Tempat keempat, kelima dan keenam masing-masing dimenangi Nurfatin Erdanie Mohd Rezal (SK Tanjung Aru), Syazrayllyn Sulie (SKK SK St Anne) dan Felenda Claudia Feridlee (SJKC Chi Wen).

Manakala Nur Izziani yang menyampaikan cerita bertajuk Bawang Putih Bawang Merah menewaskan 14 peserta lain bagi kategori Tahap 2.

Naib johan Hana Maisarah Roslan yang mewakili SK Ranche-Ranche dan ketiga murid SJKC Chung Hwa, Alyaa Nourelle.

Tempat keempat dimenangi Nur Atahsia John Charlie dari SK Pekan Dua, kelima Nurkhalilah Dania Sahat (SK Tanjung Aru) dan keenam murid SK Lubok Temiang, Shafiyah Shopian.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Ketua Unit Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Labuan Subari Dwar dan Guru Besar SK Tanjung Aru Murni Jaafar.



Encik Subari menyampaikan hadiah kepada adik Amni Naeelah

Dalam ucapannya, Subari berharap menerusi pertandingan seperti itu, bakat terpendam murid akan dapat dicungkil sekaligus melahirkan insan yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Katanya, kebolehan murid berbicara dan menjawab soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) adalah antara objektif penganjuran pertandingan bercerita sekolah rendah diadakan.

*"Inilah masanya untuk guru dan ibu bapa melihat kebijaksanaan murid mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran serta latihan kokurikulum selama ini di sekolah," katanya.*

Sementara, Murni berkata ramai murid yang mempunyai bakat dan potensi untuk menjadi pemimpin pada masa akan datang.

Justeru, beliau yakin menerusi bimbingan berterusan guru-guru dan sokongan ibu bapa, murid terbabit mampu memperolehi kejayaan yang lebih membanggakan di peringkat yang lebih tinggi.

*“Saya ucapkan terima kasih kepada semua guru SK Tanjung Aru yang komited yang menjayakan Pertandingan Bercerita pada kali ini. Nampaknya kita mampu melahirkan lebih ramai murid berkebolehan jika diberikan bimbingan berterusan,” katanya.*

Turut hadir, Penolong-penolong Kanan SK Tanjung Aru, Hajah Aini Salleh (Pentadbiran) dan Normah Rahimi (Hal Ehwal Murid) serta Penyelaras Program Bustamih Haji Ungki.

Pertandingan Bercerita 2017 diadakan di SK Tanjung Aru selaku penganjur bersama Jabatan Pendidikan Labuan pada Sabtu.



Encik Subari (belakang, empat kanan), Puan Murni (tiga

kiri ) dan adik Amni Naeelah (depan, tiga kiri), Johan  
Pertandingan Bercerita Tahap 1 bersama Pemenang lain

**Sumber Berita : Utusan Borneo, 8 November 2017**

---

## **Hari Keluarga dan Anugerah Aprisiasi SMK Pantai IB World School Meriah**



Labuan, 6 Nov – Kelab Guru dan Staf Sokongan SMK Pantai  
iB World School, W.P Labuan telah mengadakan Hari  
Keluarga dan Anugerah Aprisiasi di sebuah hotel terkenal  
(Palm Beach Resort and SPA) di Pulau ini pada 4 November  
2017. Kehadiran guru dan staf sokongan bersama-sama

keluarga masing-masing memeriahkan lagi majlis yang berlangsung. Turut hadir ialah Sahar Misron, Pengetua SMK Pantai iB World School, bersama-sama isteri beliau Samsiah Taib.

Pelbagai acara menarik turut diadakan termasuk acara mewarna untuk kategori kanak-kanak, dan acara mencari gula-gula dalam tepung. Pelbagai acara sukaneka lain diadakan termasuk acara Menendang Bola dengan Mata Bertutup, acara Larian Cinta Sayang, juga acara Bola Tampar Pantai yang disertai oleh 4 pasukan terdiri daripada kalangan guru dan staf sokongan.



Encik Sahar menyampaikan hadiah kepada anak-anak warga SMK Pantai IBWS

Guru dan staf sokongan juga berrpeluang menunjukkan bakat dalam persembahan Nyanyian Karaoke. Acara Cabutan Bertuah turut diadakan dengan hadiah sumbangan pelbagai organisasi termasuk PIBG dan individu.

Sesungguhnya Program tersebut dapat menjalin hubungan

akrab dan mesra sesama warga sekolah. Secara tidak langsung akan meningkatkan produktiviti kerja selain meredakan tekanan ketja di sekolah. Dalam majlis ini Pengetua sekolah juga menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Guru/Staf Sokongan Tanpa Cuti Sakit dan guru/staf sokongan Tanpa Cuti Rehat Khas. Begitu juga pilihan murid untuk kategori Guru Paling Ceria, Guru Paling Prihatin, Guru Paling Garang, Guru Paling Lucu, Guru Paling Popular dan banyak lagi.



Sumber Berita : SMK Pantai IBWS

---

**Majlis**

**Penyampaian**

# Sumbangan Kepada Pelajar Terpilih Tahun 1, 2017 Peringkat W.P. Labuan



Labuan, 5 Nov – S.K. Layang-Layangan telah menjadi tuan rumah Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Pelajar Terpilih Tahun 1, 2017 Peringkat W.P. Labuan. Majlis ini telah disempurnakan oleh

Y.B. Datuk Rozman b. Datuk Haji Isli (Ahli Parlimen P166 Labuan merangkap Exco Pendidikan Negeri) yang bertempat di Dewan Surapit, S.K. Layang-Layangan.

Majlis adalah anjuran Yayasan Pembangunan Labuan dengan Usahasama pihak PTPTN. Seramai 207 orang murid Tahun 1 yang terlibat dan merupakan warganegara Malaysia. Majlis sumbangan ini melibatkan tiga buah sekolah iaitu;

1. S.K. Layang-Layangan
2. S.K. Kerupang
3. S.K. Bebuloh



Objektif utama majlis ini diadakan adalah bertujuan membudayakan sikap suka menabung di kalangan pelajar-pelajar. Setiap orang murid Tahun 1 dari tiga buah sekolah terbabit menerima RM 50.00 (sumbangan daripada Datuk Rozman) dan RM 50.00 lagi sumbangan daripada Kerajaan melalui PTPTN. Kesemuanya berjumlah RM 100. Keseluruhan jumlah sumbangan deposit adalah berjumlah RM 10,350.

Turut diadakan majlis simbolik 'Surat Perlantikan Sahabat kepada S.K. Layang-Layangan, S.K. Kerupang, S.K. Bebuloh.

---

# Pelajar Tingkatan 5 SMK Labuan Mendapat Anugerah Top Scorer Kuiz Kimia Kebangsaan Malaysia 2017



Labuan, 3 Nov – Pelajar Tingkatan 5, adik Kok Hui Taou dari SMK Labuan telah berjaya mengharumkan nama sekolah dan Labuan melalui anugerah *Top Scorer* Kuiz Kimia Kebangsaan Malaysia (K3M) 2017.

Majlis penyampaian anugerah akan diadakan dalam majlis “Presentation of Top Scorer Awards 2017, IKM 50<sup>th</sup> Anniversary Gala Dinner , Malam Kimia 2017 pada 8 Disember 2017 bertempat di Sime Darby Convention Centre, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

K3M diadakan setiap tahun iaitu pada bulan Julai, oleh Institut Kimia Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ianya terbahagi kepada dua aras iaitu kimia asas untuk

tingkatan empat dan lima, serta kimia lanjutan untuk pelajar Pra-U dan Matirkulasi. Soalan merangkumi sukatan pelajaran SPM dan sukatan STPM.

Objektif utama K3M ini adalah untuk menguji pemahaman pelajar dalam subjek Kimia, meningkatkan minat pelajar terhadap subjek Kimia, meningkatkan subjek itu sendiri di sekolah dan memilih pelajar terbaik untuk menyertai Olimpik Kimia Antarabangsa (ICho).

Kok Hui Taou telah mendapat sijil cemerlang dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2016 nilai skor diperolehi adalah 92.5 peratus dan meningkat pada tahun ini dengan mendapat 97.5 peratus.

Ini membolehkan Kok Hui Taou mendapat anugerah *Top Scorer* Kuiz Kimia Kebangsaan 2017, seterusnya akan membawa pulang sijil dan wang tunai sebanyak RM500 sebagai ganjaran kemenangan.

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah berharap penyertaan SMK Labuan dalam K3M akan terus menghasilkan kejayaan dan akan berusaha lagi agar sentiasa ada murid yang mencapai tahap Cemerlang pada tahun-tahun akan datang.

Untuk rekod, SMK Labuan telah menyertai kuiz ini sejak tahun 2000 dan tahun 2017 merupakan kejayaan yang paling membanggakan dengan satu orang pelajar mendapat sijil tahap cemerlang, satu kepujian (adik Calvin Au Ka Wai) dan empat orang mendapat sijil merit (adik Nigel LLaneta Goh, Calmen Chia Kai Fong, Billy Tan Cheah Ming dan Yap Joewin).



Encik Ismail (3 dari kiri) bersama para pemenang dan guru-guru yang terlibat menguruskan dan membimbing penyertaan murid-murid SMK Labuan dalam Kuiz Kimia Kebangsaan Malaysia (K3M)

---

**MAKOM SMK Labuan Beri  
Pengiktirafan Kejayaan  
Pelajar**



Labuan, 28 Okt – Majlis Anugerah Kokurikulum (MAKOM) SMK Labuan telah diadakan bertempat di Dewan Mutiara, SMK Labuan yang telah dirasmikan oleh Encik Asbola Amit, Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, wakil rasmi Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan.

MAKOM memberi pengiktirafan atas kejayaan-kejayaan pelajar mendapat sekurang-kurangnya tempat ketiga dalam pertandingan-pertandingan peringkat WP Labuan, peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

Adik Md Alias bin Muhammad Junaidi dan adik Noor Azizah Abdul Aziz telah dinobatkan sebagai Putera Puteri Kokurikulum 2017 SMK Labuan.

Kejayaan yang diperolehi adik Md Alias ialah dinobatkan sebagai atlit terbaik bawah 15 Kejohanan Balapan dan Padang MSSWPL, Johan Chimney Run 11 km WP Labuan dan Johan Koop Run 6 km.

Manakala adik Noor Azizah dipilih berdasarkan pencapaian Peserta Terbaik Kem Biodiversiti Peringkat Kebangsaan, Peserta Perempuan Terbaik Kem Pendidikan Luar Peringkat Kebangsaan dan Presiden Kelab Interact SMKL.



Tokoh Kokurikulum Pra Universiti pula diberikan kepada adik Hegalashini a/p Gopalakrishnan di atas kejayaan dalam kejohanan-kejohanan Olahraga Terbuka Beaufort, Terbuka Sabah, BIMP-EAGA.

Dalam ucapan aluan, Pengetua SMK Labuan Encik Ismail berkata, kejayaan SMK Labuan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah membuka minda dan meningkatkan keyakinan warga SMK Labuan bahawa kejayaan peringkat kebangsaan dan antarabangsa bukan hanya impian yang sukar dicapai tetapi merupakan matlamat yang boleh dicapai dengan komitmen dan usaha yang gigih.

Beliau juga mengucapkan penghargaan kepada jabatan dan NGO yang paling aktif membantu sekolah dalam aktiviti kokurikulum iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) WP Labuan, 51 Kompeni Komposit ATM (Darat) dan Persekutuan Pengakap Malaysia WP Labuan (PPMWPL).

Sementara itu, En Asbola mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh warga SMK Labuan kerana pada tahun ini SMK Labuan telah melakar banyak kejayaan di peringkat negeri mahupun kebangsaan sama ada dalam bidang kurikulum ataupun kokurikulum. Kejayaan ini telah menjadikan SMK Labuan sebagai salah sebuah sekolah yang terbaik di WP Labuan.

*Perkara yang menarik bagi saya tentang SMK Labuan ini adalah slogan 'Setiap Murid Bernilai'. Amat sesuai dan bertepatan sekali slogan yang dizahirkan kerana kita sedar bahawa setiap pelajar yang datang ke sekolah pada setiap hari ini mempunyai bakat atau kecenderungan masing-masing. Keistimewaan dan kebolehan seseorang pelajar itu bukan terletak kepada kecemerlangan dalam pelajaran sahaja tetapi dalam bidang kokurikulum juga. Jelaslah segala kelainan bakat dan kebolehan pelajar SMK Labuan ini telah berjaya mengangkat nama SMK Labuan untuk cemerlang dalam bidang kokurikulum di peringkat yang lebih tinggi. katanya lagi.*

Pada majlis tersebut juga, penghargaan diberikan kepada 51 Kompeni Komposit ATM (Darat), diwakili oleh Pegawai Waran II Mohd Ali Akber bin Karim, Persekutuan Pengakap Malaysia WP Labuan (PPMWPL) diwakili oleh Encik Han Siew Kwong dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) WP Labuan dihadiri sendiri oleh Encik Zainal Madasin (Pengarah JBPM WP Labuan), bagi menghargai jasa dan bantuan yang diberikan kepada pihak sekolah dalam menjayakan program sekolah.



Encik Ismail menyampaikan plak penghargaan kepada Encik Zainal

Turut hadir Tn Hj Hussin Salleh (Timbalan YDP PIBG

SMKL), En Mohd Nizam Yasim (Pegawai Angkat SMKL), En Ag Rozlan Manan (PK Pentadbiran), En Cheah Teong Aik (PK Kokurikulum), Pn Zalina Zunkepely (PK HEM), En Saminan Sabtu (PK Pra U)

**Sumber Berita : SMK Labuan**

---

# Majlis Graduasi Pra Universiti SMK Labuan Sesi 2017



**LABUAN, 29 Okt** – Seramai 123 pelajar Pra Universiti SMK Labuan telah menerima sijil pada Majlis Graduasi Sesi 2017 yang diadakan di Hotel Lazenda, malam Rabu lalu.

Majlis penyampaian sijil tersebut disempurnakan oleh

Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Encik Raisin Saidin.

Anugerah Terbaik Keseluruhan diraih Nurfaradiana Khamis (PNGK 3.46, 6AF) dan Neily Nurqasrina Sazali (PNGK 3.46, 6AG).

Bagi Anugerah Terbaik Aliran Sains diterima Billy Tan Cheah Ming (PNGK 2.55, 6AD) manakala Nurfaradiana Khamis (PNGK 3.46, 6AF) dan Neily Nurqasrina Sazali (PNGK 3.46, 6AG) menerima Anugerah Terbaik Aliran Kemanusiaan.

Anugerah Kokurikulum 2017 disandang Yazid Zahiruddin Faiz Mu'izzuddin dan Suzliana Suali selepas cemerlang dalam bidang tersebut.

Sembilan orang pelajar pula menerima Anugerah Kecemerlangan selepas memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif 3 Pointer dan Ke Atas.



Encik Raisin Saidin (3 kanan) dan Encik Ismail (4 kiri) bersama pelajar Pra U SMK Labuan yang cemerlang dalam akademik dan kokurikulum

Mereka ialah Norfarahdiana Khamis (PNGK 3.46) (Kelas 6AF), Neily Nurqasrina Sazali (PNGK 3.46) (Kelas 6AG),

Liyana Abdul Rahman (PNGK 3.29) (Kelas 6AG), Marlissa Umos (PNGK 3.29) (Kelas 6AB), Nurdiana (PNGK 3.26) (Kelas 6AB), Clarice Urun @ Saimon (PNGK 3.21) (6AB), Mohd Rasmad Musim (PNGK 3.21) (6AF), Atilla Atasha Hanafi (PNGK 3.13) (6AE) dan Nazrul Naeem Asmawi (PNGK 3.13) (6AF).

Encik Raisin turut menyampaikan sijil kepada 14 Ahli Majlis Perwakilan Pelajar bagi Sesi 2016/2017.

Dalam ucapannya, Encik Raisin menyeru pelajar Pra Universiti agar mengekalkan kejayaan yang diperolehi semasa di SMK Labuan untuk menempuh lebih banyak cabaran di menara gading dan alam pekerjaan kelak.

Katanya, kecemerlangan di peringkat sekolah akan lebih bermakna sekiranya mereka mampu mengekalkannya di universiti sebelum mengaplikasikan ilmu tersebut di bidang pekerjaan.

*"Banyak lagi cabaran yang perlu pelajar hadapi di peringkat universiti dan alam pekerjaan kelak. Justeru itu, mereka harus mengekalkan kecemerlangan kerana persaingan amat sengit pada masa akan datang,"katanya.*

Sementara itu, Encik Ismail merakamkan ucapan penghargaan kepada pensyarah yang gigih mendidik pelajar Pra Universiti sehingga mereka mampu melanjutkan pengajian tinggi di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan IPT Swasta sama ada di dalam mahupun luar negara.

Oleh itu, beliau mahu pelajar Pra U tidak mensia-siakan peluang belajar di peringkat tersebut agar mereka juga mampu menuruti jejak langkah pelajar SMK Labuan sebelum ini yang berjaya memasuki IPT dan memperolehi kerjaya yang mereka harapkan.

*"Kalau mereka berusaha lebih gigih, saya yakin dan*

*percaya mereka akan mampu melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dan cemerlang dalam bidang pekerjaan kelak,"katanya.*

Encik Ismail tidak lupa mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pelajar Pra U yang akan menamatkan pengajian mereka di SMK Labuan.

Sementara itu, Encik Ismail dan Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Prof Madya Dr Hanudin Amin turut menandatangani Surat Hasrat sambil disaksikan Encik Raisin, Haji Hussein Salleh selaku Naib Yang Dipertua PIBG dan Penolong Kanan Pra U, Encik Saminan Sabtu.

Majlis itu yang bermula pukul 7.30 malam dimeriahkan lagi dengan persembahan puisi "Adalah" oleh Siti Nurul Hidayah Abdul Hamid (6 RD) serta nyanyian medley Aina dengan diiringi alunan dan petikan gitar oleh Tyren dan Aizat.

Turut hadir Penolong Kanan Pentadbiran, Encik Ag Rozlan Manan, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Puan Zalina Zunkepely dan 37 pensyarah Pra Universiti SMK Labuan.



Pensyarah Pra U SMK Labuan merakam kenangan bersama Encik Raisin Saidin (duduk tengah), Ismail ( 4 kiri)

Sumber Berita : SMK Labuan

---

# SK Tanjung Aru Menyertai Kolokium Bagi Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)



26 Oktober/Labuan – Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru merupakan antara sekolah yang bertuah kerana terpilih untuk menyertai kolokium bagi Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah selama 3 hari bermula dari 23 Oktober hingga 25 Oktober

2017. Sebanyak 43 sekolah dari Sarawak, 40 sekolah dari Sabah dan 9 dari Labuan menyertai Kolokium ini.

Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan sebahagian usaha Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti. Program ini juga menekankan tentang mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.



Antara PGB JPWPL yang turut sama membantu menyiapkan pameran TS25 1.0 bagi SK Tanjung Aru

Penyertaan Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru dalam pameran TS25 ini bertujuan untuk menampilkan laporan aktiviti sepanjang 2 tahun menjalankan Program TS25 1.0. Laporan aktiviti yang dipamerkan membuktikan bahawa sekolah mampu menyahut cabaran dalam mencapai matlamat TS25 ini iaitu memantapkan kepimpinan sekolah, memaksimumkan potensi guru dan murid menerusi peningkatan kualiti pembelajaran dan pengajaran serta mengukuhkan penglibatan ibu bapa,

komuniti dan pihak berkepentingan demi kejayaan murid.

Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru sebagai wakil WP Labuan telah membuat pameran TS25 sempena kolokium tersebut bersama 9 buah lagi sekolah dari Sabah dan Sarawak. Pameran ini telah dijayakan oleh seorang guru dan 2 orang murid iaitu Puan Evelin Miun, adik Jessica Anthony dan adik Ninabilah Pendaton. Turut serta dalam Kolokium ini ialah Guru Besar Sk Tanjung Aru, Puan Murni Binti Jaafar. Pengarah Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Datuk Mahmud Karim berkata terdapat lima modul latihan dan modul seterusnya bergantung kepada sekolah masing-masing untuk memikirkan transformasi yang hendak dilaksanakan, asalkan ia mencapai objektif berkaitan pencapaian pelajar itu sendiri.



Lawatan Yang Berbahagia Datuk Dr Amin Bin Senin, Ketua pengarah Pendidikan Malaysia

# Murid SJK(C) Chi Wen, Tempat Ketiga Pertandingan Bicara Tunas Bahasa Melayu, Peringkat Kebangsaan



**Labuan 24 Okt** : Adik Mac Frederon Feridlee dari SJK(C) Chi Wen sekali lagi mengharumkan nama sekolah dan Labuan dalam Pertandingan Bicara Tunas Bahasa Melayu, Orator Milenia Peringkat Kebangsaan 2017 di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor pada 22-24 Oktober 2017.

Murid Tahun Lima ini, 11, meraih tempat ke-3 daripada 28 peserta dari sepuluh negeri yang bertanding dan berjaya membawa pulang plak serta wang tunai berjumlah RM300.

Sebelum ini, Mac Frederon telah mendapat [naib johan](#)

[Pertandingan Pidato Karnival Perpaduan Sekolah-sekolah Kluster Kecemerlangan Peringkat Kebangsaan](#) pada 10 hingga 12 Oktober di Kundasang dan menyertai Pertandingan Syarahan Bahasa Malaysia Piala Perpaduan Perdana Menteri Peringkat Kebangsaan pada 5 hingga 7 Oktober di Likas.

Guru pengiring Cikgu Mohd. Farik Madun, mengucapkan sekalung tahniah kepada Mac Frederon yang sentiasa gigih berlatih meskipun menghadapi cabaran untuk menyertai tiga pertandingan yang berbeza pada bulan yang sama.

Namun, segala penat lelah terbayar dengan memori manis yang tercipta di bumi Kundasang dengan meraih naib johan dan tempat ketiga di UPM Serdang dalam tempoh masa kurang dua minggu.



Cikgu Farik bersama Mac Frederon

Majlis penutupan diadakan pada 23 Oktober, malam bertempat di Seri Perdana, Kediaman Rasmi YAB Perdana Menteri Malaysia dan dirasmikan oleh YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Penaung Yayasan Minda.

**Sumber Berita : Cikgu Mohd Farik Madun**